



Monetary Authority  
of Singapore

## SIARAN AKHBAR BERSAMA

### BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK DAN MONETARY AUTHORITY OF SINGAPORE MEMPERKUKUH KERJASAMA DUA HALA

Bandar Seri Begawan, 14 Ogos 2025 – Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Monetary Authority of Singapore (MAS) mengukuhkan lagi hubungan baik antara kedua-dua pihak semasa Mesyuarat Dua Hala BDCB-MAS kali Ke-5.

2. BDCB dan MAS membincangkan mengenai tren ekonomi antarabangsa dan serantau, serta perkembangan dalam kesalinghubungan pembayaran. Kedua-dua pihak juga turut menyentuh mengenai persediaan bagi menyambut ulang tahun ke-60 Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (Currency Interchangeability Agreement atau CIA) pada tahun 2027.

3. Semasa mesyuarat tersebut, Pengarah Urusan BDCB, Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, dan Pengarah Urusan MAS, Tuan Yang Terutama Chia Der Jiun, telah memeratai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memperkenalkan cross-border collateral arrangement (CBCA), yang akan membolehkan BDCB dan MAS untuk menerima jenis cagaran yang lebih luas dalam kemudahan penyediaan kecairan masing-masing. Ini akan memberi institusi-institusi kewangan di kedua-dua buah negara fleksibiliti dalam pengurusan kecairan mereka dan seterusnya membantu mengekalkan kestabilan kewangan di Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

4. Yang Mulia Hajah Rashidah, Pengarah Urusan BDCB menyatakan, “Mesyuarat Dua-Hala ini mencerminkan hubungan erat yang telah terjalin sekian lama antara BDCB dan MAS. Ia juga merupakan platform bernilai untuk memperkuuhkan lagi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak dalam bidang-bidang yang berkepentingan. Kerjasama berterusan antara BDCB dan MAS adalah penting dalam menangani perubahan ekonomi serantau.”

5. Seterusnya, Tuan Yang Terutama Chia Der Jiun, Pengarah Urusan MAS merakamkan penghargaan kepada pihak BDCB sebagai tuan rumah mesyuarat tersebut dan menyatakan, “Penandatanganan MoU CBCA mengukuhkan lagi kerjasama dan hubungan dua hala antara BDCB dan MAS. MAS juga menantikan Sambutan Ulang Tahun ke-60 CIA di masa terdekat.”



Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan BDCB dan Tuan Yang Terutama Chia Der Jiun, Pengarah Urusan MAS semasa acara penandatanganan MoU.

#### Mengenai Brunei Darussalam Central Bank

Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui perlaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.

#### Mengenai Monetary Authority of Singapore

Monetary Authority of Singapore (MAS) merupakan bank pusat dan pengawal selia kewangan bersepadu Singapura. Sebagai sebuah bank pusat, MAS mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan tidak bersifat inflasi melalui pelaksanaan dasar monetari serta pemantauan dan analisis makroekonomi. MAS menguruskan kadar pertukaran mata wang Singapura, rizab asing rasmi, dan kecairan dalam sektor perbankan. Sebagai penyelia kewangan bersepadu, MAS menggalakkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh melalui penyeliaan berhemat terhadap semua institusi kewangan di Singapura – termasuk bank, syarikat insurans, perantara pasaran modal, penasihat kewangan, dan infrastruktur pasaran kewangan. MAS juga bertanggungjawab untuk memastikan pasaran kewangan berfungsi dengan baik, menggalakkan amalan yang beretika, dan pendidikan pelabur. Di samping itu, MAS menjalin kerjasama dengan industri kewangan untuk memacu pertumbuhan negara sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Monetary Authority of Singapore  
Davelle Sim  
Penolong Pengarah (Perhubungan Korporat)  
Tel: 6422 5564  
Emel: [davelle\\_sim@mas.gov.sg](mailto:davelle_sim@mas.gov.sg)

Brunei Darussalam Central Bank  
Syukrina Roselan  
Pengurus Kanan (Perhubungan)  
Tel: +673 8318388  
Emel: [nursyukrina.roselan@bdcb.gov.bn](mailto:nursyukrina.roselan@bdcb.gov.bn)